

# Sampah boleh dijual

B.H MS7 1707/07  
MPK sedia pusat pertukaran dengan wang, galak masyarakat bersih persekitaran

Oleh Tuan Nazuri Tuan Ismail

**K**LANG: Di Selangor kini, sampah pun boleh dijual. Bawa saja sampah dengan memandu kenderaan ke Pusat Pungutan Sampah Pandu dan Jual di Jalan Kapar, Meru, di sini dan anda boleh menukarkan sekilogram sampah untuk 10 sen.

Amat mudah dan praktikal kerana anda hanya perlu memandu masuk ke laluan khas disediakan untuk menimbang sampah yang dibawa sebelum beredar keluar beberapa minit kemudian.

Kemudahan itu sesuai bagi mereka yang mengejar masa sama ada untuk ke tempat kerja atau menghantar anak ke sekolah dan lebih penting, boleh mendapat wang saku untuk perbelanjaan.

Pihak berkuasa tempatan (PBT) di Selangor memperuntukkan jutaan ringgit setiap tahun untuk menguruskan sampah yang jumlahnya semakin meningkat sejajar pertumbuhan penduduk.

Sebagai negeri maju pertama negara, Selangor bukan saja menjadi tempat tumpuan mencari rezeki bagi rakyat tempatan dan asing malah menjadi tempat pembuangan sampah paling banyak di negara ini.

Dengan kira-kira lima juta penduduk, negeri itu sering berdepan masalah pembuangan sampah yang tidak terkawal termasuk dalam sungai yang menjadi antara punca berlakunya banjir kilat setiap kali hujan lebat.

Kerja melupuskan sampah juga berdepan masalah kerana negeri ketiga terkecil itu semakin kekurangan tanah lapang untuk dijadikan tapak pelupusan sampah dan jika ada, mendapat bantahan penduduk yang enggan tempat tinggal diselubungi bau busuk setiap hari.

Biarpun kempen menjaga alam sekitar



**BEROPERASI:** Pusat Pungutan Sampah Pandu dan Jual di Meru, Klang, mendapat sambutan menggalakkan dan akan diperluaskan ke kawasan lain di Selangor.

dan pembuangan sampah secara sistematik giat diadakan, masalah sampah dibuang merata-rata tetap berleluasa yang memerlukan kerajaan negeri dan PBT mengambil langkah tertentu untuk mencari penyelesaian jangka panjang.

Hasilnya, lahirlah pusat pembelian sampah domestik dikenali Pusat Pungutan Sampah Pandu dan Jual yang diperkenalkan bagi memastikan negeri itu bebas daripada pembuangan sampah sekali gus mengurangkan pencemaran.

Pusat itu yang pertama di negara ini dibuka sejak 2 April lalu di Jalan Kapar, Meru, di bawah seliaan dan bidang kuasa Majlis Perbandaran Klang (MPK).

Langkah MPK itu mula menunjukkan kesan positif sejak pusat itu dibuka apa-

bila persekitaran Meru dan Kapar dilihat semakin bersih apabila tiada lagi longgokan sampah atau sampah dibuang merata tempat.

Kakitangan MPK juga boleh memberi tumpuan kepada kerja lain selain mengangkut dan mengutip sampah yang dibuang sesuka hati dan tidak pernah selesai.

Lebih penting, Pusat Pungutan Sampah Pandu dan Jual itu membuka pintu rezeki kepada orang ramai yang bijak mencari peluang untuk menambah pendapatan atau menjadikan ia sebagai bidang perniagaan baru.

Azman Ishak, 40, dari Bukit Kapar yang mengutip sampah setiap hari di sekitar kawasan perumahannya dan kawasan berdekatan mampu memperoleh pen-

dapatan bersih RM60 sehari.

Katanya, selain menjadi sumber pendapatan, kerja itu juga dapat membantu mengurangkan masalah pembuangan sampah dan menjaga alam sekitar supaya tidak terus tercemar.

Azman berkata, dia mampu mengangkut tiga hingga empat kali sampah setiap hari ke pusat itu menggunakan motosikalnya.

Kerajaan negeri merancang untuk meluaskan pusat seperti itu di seluruh negeri jika ia mampu mengurangkan masalah pembuangan sampah dan pencemaran alam sekitar.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang (MPK), Mislan Tugiu, berkata pihaknya memperuntukkan RM50,000 sebulan untuk membeli sampah daripada orang ramai.

Bagaimanapun, katanya, setakat ini, hanya RM30,000 digunakan untuk membeli sampah setiap bulan kerana masih ramai yang tidak menyedari fungsi pusat itu.

Katanya, sejak tiga bulan lalu tahap kebersihan di Kapar dan Meru menunjukkan perubahan mendadak apabila semakin kurang longgokan sampah sekali gus menjimatkan perbelanjaan MPK setiap bulan.

"Jika kerajaan negeri puas hati dengan keberkesanan pusat ini, kita merancang untuk menubuhkan satu lagi pusat seperti ini di Teluk Gong," katanya sambil menambah pusat itu hanya menerima sampah domestik yang kemudian diangkut MPK ke tapak pelupusan sampah berhampiran.

Sebelum ini, Menteri Besar, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo berkata, pembinaan pusat itu mampu mengurangkan kos kerana pada masa depan PBT tidak perlu lagi mengupah kontraktor mengangkut sampah dari rumah ke rumah.

FAKTA NOMBOR

Pusat Pungutan Sampah Pandu dan Jual

**RM50,000**

Peruntukan MPK untuk beli sampah sebulan

**10 sen**

Harga 1 kg sampah

**10 tan**

Purata sampah diterima sehari



**“**Jika kerajaan negeri puas hati dengan keberkesanan pusat ini, kita merancang untuk menubuhkan satu lagi pusat seperti ini di Teluk Gong”

Mislan Tugiu  
Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang